

MAHATHIR TEWAS DI KUBANG PASU KERANA POLITIK WANG?

Teks: WARTAWAN ERA BARU
Foto: TALIB HJ ADNIN

dengan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO.

ERA BARU sempat menemui bekas Setiausaha kanan Dr. Mahathir untuk bertanyakan tentang dakwaan bekas Menteri Besar Kedah itu. Beliau menyatakan bahawa Osman kerap menemuinya di pejabat untuk meminta itu dan ini dan mustahil katanya Osman tidak mendapat apa-apa dari Dr. Mahathir ketika menerajui negeri Kedah.

TERLANJUR

Apabila Osman terpaksa duduk di sebelah Tun Dr. Mahathir pada majlis perasmian mesyuarat UMNO bahagian Kubang Pasu itu hanya Tuhan yang tahu bagaimana perasaan Osman ketika itu kerana pada malam sebelum itu beliau dikatakan telah merayu kepada para perwakilan supaya tidak memberi laluan kepada Dr. Mahathir.

Ahli-ahli UMNO yang memerhatikan keadaan Osman Aroff kelihatan agak gelisah dan mungkin berasa bersalah kerana terpaksa menentang bos lamanya tetapi apa yang beliau boleh buat kerana telah terlanjur kata kerana perbualan beliau itu adalah seperti menikam Dr. Mahathir dari belakang.

Selain dari Osman Aroff, difahamkan juga Dato' Hanafi Ramli turut berucap kerana tidak merestui Dr. Mahathir bertanding kerana mahu menjaga maruah dan nama baik Perdana Menteri itu.

Seorang lagi yang berucap menentang Dr. Mahathir pada malam itu adalah Dato' Saad Man iaitu bekas Setiausaha politik Dr. Mahathir.

Difahamkan beliau kini tidak lagi menjadi ahli UMNO kerana beliau didakwa telah cuba mengagalkan permohonan Dr. Mahathir bertanding dalam pilihan raya umum suatu ketika da

hulu apabila terdapat kesilapan dalam borang pencalonan Dr. Mahathir yang dikatakan diurus oleh Saad Man. Beliau juga dikatakan telah sama-sama berkempen untuk mengagalkan peluang Dr. Mahathir dipilih.

Inilah beberapa peristiwa yang berlaku pada mesyuarat UMNO Bahagian Kubang Pasu di mana hasrat bekas Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk dipilih sebagai salah seorang perwakilan bagi bahagian Kubang Pasu ke Perhimpunan Agung UMNO November depan berkecai.